

Catatan Rasul Markus tentang godaan Kristus di padang belantara merupakan injil yang terpendek di antara injil-injil tetapi peristiwa ini tidak kurang kepentingannya dalam kehidupan Penyelamat. Yesus telah menjauhkan diri-Nya daripada penipu dengan memanggil manusia sejagat untuk bertobat dan beriman. Dia muncul dari padang pasir menjadi seorang yang berfikiran, berpengalaman dengan muslihat licik Syaitan terhadap manusia dan membawa mesej penting yang bergema melandasi masa sehingga ke zaman kita. Ia bukan satu mesej untuk mengutuk tetapi bersifat belas kasihan yang mendalam, terhadap Syaitan dan godaan-godaannya yang jahat dan berlimpah ruah, kerana Dia tahu akan daya-tarikannya.

Dia datang untuk kita dari padang pasir bukan untuk menghakim tetapi untuk membuat penebusan; dan panggilan-Nya dalam musim Paskah ini menuju pada kehidupan kita: *Berdoa dan memeluklah Berita Baik keselamatan anda jauh dari dosa dan kematian.*

Berpalinglah kepada-Ku dan diselamatkan - inilah firman Tuhan hari ini. Ia sememangnya sebegitu mudah. Dia mengetahui setiap dosa kita tetapi tidak satu pun Dia senaraikan. Dia tidak menyediakan satu senarai penghukuman terhadap setiap kesalahan kita. Sebaliknya, Dia berkata datanglah sebagaimana anda sekarang; hukuman terhadap dosa-dosa kalian sudah Aku tanggungan. Inilah intipati keimanan yang benar - kosongkan diri sendiri, dosa dan semuanya, dan digantikan dengan cinta Tuhan. Untuk setiap dosa, yang mana roh-roh kita sepatutnya menderita dalam kekesalan dan kutukan, Tuhan telah menawarkan pengampunan dan keamanan tanpa syarat. Yang diminta daripada kita hanyalah peralihan dan kepercayaan kepada Tuhan serta penerimaan belas kasihan yang melimpah daripada-Nya. Jika hanya kita dapat melihat Kristus di dunia di sekeliling kita dan memperolehi kekuatan daripada-Nya untuk menolak godaan-godaan Syaitan.

Oleh itu, panggilan dalam musim Paskah untuk berpuasa: bukannya hukuman untuk kesalahan kita, tetapi untuk menguatkan keazaman kita untuk Tuhan. Penebusan bukanlah satu balasan atas kesalahan kita pada masa lalu, sebaliknya ia bagaikan penyulinan diri supaya kita tinggalkan cara hidup yang lama dan tingkatkan keimanan diri. Ramai yang meninggalkan Kristus dan Jemaat kerana takut beban dosa mereka akan membawa kutukan. Yang lain pula menyembunyikan dosa mereka di dalam jiwa, dengan harapan Tuhan tidak akan perasan. Mereka telah gagal menghargai harapan yang ditawarkan oleh Kristus dalam musim Paskah ini. Dalam persemukaan Yesus dengan Syaitan, walaupun Dia berjaya menolak godaan-godaan jahat yang ditawarkan, Dia mengetahui akan kekuatan dan kelemahan mereka dalam percubaan itu. Tujuan Dia menyeru kita untuk bertukar bukan untuk menegur kita, tetapi memberitahu kita bahawa adanya jalan keluar dari padang belantara.

Dalam sembahyang tengahari sepanjang musim Paskah, kita sering menyanyi, "Sepanjang hidup saya, kata Tuhan, saya tidak senang hati dengan kematian orang yang jahat; sebaliknya biarlah dia berpaling dari jalan kejahatan ke jalan yang membawa kehidupan." Oleh itu, marilah kita berpaling dengan penyesalan dan keteguhan di hati, dan dikukuhkan oleh penebusan musim Paskah, ke arah Tuhan yang menjadi pedoman dalam perjalanan kita melalui padang belantara untuk ganjaran kehidupan kekal Dia.✠

Menjadi Murid-Murid Harapan

18 Februari 2018
Hari Minggu Paskah Ke-1

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH



HARAPAN
telah beralih kepada DIA
yang menyelamatkan

**GEREJA VISITATION**

85-A, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban
 Tel : 06-7624468 / 7634934 / 7677542 Fax : 06-7677544
 Emel : serembanvisitation@gmail.com
 Laman Web : www.visitationseremban.org
 Paderi Paroki : Rev. Fr. George Harrison
 Pembantu Paderi : Fr. Andrew Kooi

PEMURIDAN : MENJADI MURID HARAPAN.

Harapan : Bersama kita disembuhkan dalam Kristus
 (Februari) 2018

Ke Arah 170 tahun Paroki Visitation
 (1848 - 2018)

WAKTU PEJABAT PAROKI
 Isnin - Jumaat
 8.30pg - 5.30ptg
 Sabtu : 8.30pg - 7.30ptg
 Ahad: 8.30pg - 3.00ptg
 Pengakuan di Gereja ½
 jam sebelum semua Misa
 mengikut kesediaan Paderi.

**PROGRAM MINGGU INI 10 – 18 FEBRUARI 2018**

MINGGU PRAPASKAH PERTAMA (TAHUN B) Kej 9, 8-15, Mzm 24 4-5ab 6 dan 7bc, 8-9 1 Pet 3, 18-22
 "Tuhan adalah kasih setia bagi orang yang berpegang pada perjanjianNya". (Mazmur 24)

| | | | | |
|------|----|--|--|--|
| Sab | 17 | 5.00 ptg 6.00 ptg | Rosari : 5.30 ptg : Novena; 5.45 ptg: Benediction Misa Kudus (E) (Animasi : Dominic) | 7.00 ptg : Pembaptisan Bayi |
| Ahad | 18 | 7.00 pg 9.00 pg 11.00 pg 1.00 ptg | Misa Kudus (T) (Animasi : RCIA) Misa Kudus (E) (Animasi : RE – Form 1) Misa Kudus (C) Misa Kudus (BM) | Tiada kelas RE RCIA (T) 9.00 -10.30pg ; RCIA (BM) 11.00pg - 12.30ptg RCIA (E) 11.00 -12.30ptg ; RCIA(M) : 9.00 - 10.30pg |
| Is | 19 | 6.45 pg | Misa Kudus | Karismatik (E) 7.30ptg di Dewan Visitation. Semua adalah dijemput. |
| Sel | 20 | 6.45 pg | Misa Kudus | Karismatik (E) 7.30ptg di Dewan Visitation. Semua adalah dijemput. |
| Rab | 21 | Tiada Misa pagi | | Rekoleksi Bulanan Para Paderi di APC |
| Kha | 22 | 6.45 pg | Misa Kudus | |
| Jum | 23 | Tiada Misa pagi | | 7.00ptg : Jalan Salib diikuti dengan Misa Kudus (E/T/M/BM) |

MINGGU PRAPASKAH KEDUA (TAHUN B) Kej 2, 1-2, 9a, 10-13, 15-19 Mzm 115, 10 et 15, 16-17, 18-19 Roma 8, 31 b -34 Mr 9, 2-10
 "Bawalah kurbanmu bagi Tuhan, sembahlah Dia dalam istana yang kudus". (Mzm 115)

| | | | | |
|------|----|--------------------------------|---|---|
| Sab | 24 | 5.00 ptg 6.00 ptg | Rosari : 5.30ptg : Novena; 5.45ptg : Benediction Misa Kudus (E) Animasi : St. Teresa dari Kalkuta | |
| Ahad | 25 | 7.00 pg 9.00 pg 11.00 pg | Misa Kudus (T) (Animasi : St. Jude) Misa Kudus (E) (Animasi : St. Lorenzon Ruiz) Misa Kudus (C) Tiada Misa Bahasa pada jam 1 ptg | RE(T): 8.45-10.15pg; RE(C) :9- 10.30 pg : RE(E) & (BM) 10.45 -12.15tgh RCIA (T) 9.00 -10.30pg ; RCIA (BM) 11.00pg -12.30ptg RCIA (E) 11.00 -12.30ptg ; RCIA(M) : 9.00 -10.30pg 3.00ptg : RCIA Rite of Election di Holy Family , Kajang |

Kami mengalu-alukan ahli paroki baharu/pelajar dari Universiti / Kolej di sekitar Seremban. Sila mendaftar di pejabat paroki atau e-mel kepada kami di: serembanvisitation@gmail.com. Anda akan menerima Kad Doa (Magnificat). Berdoalah setiap hari.

Terima kasih kepada : KED – St. Dominic dan RE-Form 1 atas Animasi untuk Misa minggu ini.

i) **Pungutan Mingguan Paroki:**
 10 / 11 Feb 2018 : RM8,668.15 Titi : RM105.00
 Tuhan memberkati semua penderma

ii) **SSVP Visitation** - kami memerlukan lebih ramai sukarelawan yang berminat dalam mengunjungi dan melayani mereka yang miskin serta serba memerlukan. Hubungi pejabat paroki atau Louise (019-6227440)
Pusat Setempat SSVP untuk bantuan akan dibuka hanya pada hari Selasa pertama pada setiap bulan. Masa : 4 - 6 ptg, Tempat : Kantin.

➤ **Jamuan Makan Tengahari CNY** pd 4 Mac (Ahad) @ 12.30tgh. Tempat : Min Kok Restaurant, Tiket pd :RM50/- per pax. Hubungi Doreen : 0173326007

➤ **BERDAMAI DALAM MUSIM PRAPASKAH INI**

19 Feb (Isnin) : 8.00 ptg : Risen Christ, Jln Ipoh
 20 Feb (Khamis) : 8.00 ptg : Kristus Cahaya, Kepong
 26 Feb (Isnin) : 7.30 ptg : OL Fatima, B'field
 7.00 ptg : St. Theresa, Nilai
 27 Feb (Selasa) : 6.45 ptg : St. Anthony, K.L
 7.00 ptg : Visitation, Seremban

- **KEBERSIHAN GEREJA DAN PERSEKITARAN.** Paku pada dinding, pelekat, gam dll adalah tidak dibenarkan. SILA PASTIKAN Rumah Tuhan dijaga dengan baik oleh semua orang.
- **CMPC (Kursus Persediaan Perkahwinan Katolik)**
 English : 27 - 29 April 2018 di K.L.
 Tamil : 25 - 27 Mei 2018 (K.L.)
 BM : 23 - 25 Februari 2018 (K.L.)
 Mandarin : 20 - 22 April (K.L.)

- **BERPUASA DALAM MUSIM PRAPASKAH INI?** (Dalam kata-kata Paus Fransiskus)
- ~ Berpuasa daripada perkataan yang menyakitkan hati dan mengucapkan kata-kata yang baik.
 - ~ Berpuasa daripada kesedihan dan dipenuhi dengan rasa bersyukur.
 - ~ Berpuasa daripada amarah dan dipenuhi dengan kesabaran..
 - ~ Berpuasa daripada sifat mudah putus asa dan dipenuhi dengan harapan.
 - ~ Berpuasa daripada kegelisahan dan percaya pada Tuhan.
 - ~ Berpuasa daripada rungutan dan merenungkan kesederhanaan.
 - ~ Berpuasa daripada tekanan dan sentiasa berdoa.
 - ~ Berpuasa daripada keperitan dan penuhi hatimu dengan kegembiraan.
 - ~ Berpuasa daripada keangkuhan dan berbelas kasihan dengan orang lain.
 - ~ Berpuasa daripada dendam dan berdamai.
 - ~ Berpuasa daripada perkataan dan senyap untuk mendengar.

➤ **Apa yang BOLEH SAYA BUAT dalam Musim Prapaskah ini?**

- Baca mesej Prapaskah 2018.
- Kunjungi laman web untuk lebih infon dan pembacaan(lent.aohd.org) (www.facebook.com/Lenten campaign)
- Melakukan pengakuan dosa yang baik.
- Berdoa Jalan Salib.
- Baca refleksi mingguan dalam Kit Prapaskah / Herald.
- Semua kanank-kanak, belia adalah digalakkan untuk menjalankan aktiviti Prapaskah yang dicadangkan dalam kit tsb. Sila rujuk pada guru pembimbing RE anda, ketua belia dan ketua KED/ZON.
- **Ministri Muzik** menjemput pemain organ untuk melayani dalam Misa Sunset English dan Misa Ahad pada jam 9 pagi. Sila hubungi : Amanda (Misa Sunset) : 0163673049/ Adrian (Ahad 9 pagi) : 0108970642
- **Rite of Election** : 25 Februari (Ahad) pada 3.00 ptg di Gereja Holy Family, Kajang. Sila bawa semua calon RCIA kita dalam doa.
RCIA (Eng & BM) akan menjalani Retret mereka di P.D pada 10 - 11 Mac 2018. Sila bawa mereka dalam doa.

- **Kesedaran Kerjaya Keuskupan 2018** : Kem Kerjaya bagi para pemuda pada 24 - 25 Feb 2018 di Gereja Good Shepherd : Umur : 18 hingga 35 tahun. Hungi Fr. George / Andrew /Pejabat Paroki.
- **18/3** - Kem Perubatan 2018 (8 pg - 3 ptg) di Dewan Visitation
- **18/3** - ACIES Seremban (Legio Marie) @ 2.30 ptg (Gereja)